

**PENGUASAAN ILMU TARANNUM DALAM
KALANGAN PELAJAR-PELAJAR SEKOLAH
DI MIRI**

FIRDAUS BIN ABDULLAH



**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA SASTERA**

**PUSAT PENATARAN ILMU DAN BAHASA
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2020**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **PENGUASAAN ILMU TARANNUM DALAM KALANGAN PELAJAR-PELAJAR SEKOLAH DI MIRI**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA**

BIDANG : **PENGAJIAN ISLAM**

Saya **FIRDAUS BIN ABDULLAH**, Sesi **2011-2020**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**


Disahkan Oleh,



(Tandatangan Pustakawan)

**FIRDAUS BIN ABDULLAH
PX20118336**

Tarikh : 30 Januari 2020


(Prof. Madya Dr. Ahmad Tarmizi Bin Abdul Rahman)
Penyelia

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

1 Oktober 2019

Firdaus Bin Abdullah
PX20118336



UMS

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **FIRDAUS BIN ABDULLAH**
NO. MATRIK : **PX20118336**
TAJUK : **PENGUASAAN ILMU TARANNUM DALAM KALANGAN
PELAJAR-PELAJAR SEKOLAH DI MIRI**
IJAZAH : **SARJANA SASTERA**
BIDANG : **PENGAJIAN ISLAM**
TARIKH VIVA : **08 MAC 2017**

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



DISAHKAN OLEH;

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan

PENYELIAAN TUNGGAL

PENYELIA

Prof. Madya Dr. Ahmad Tarmizi Bin Abdul Rahman

Ahmad Tarmizi Bin Abdul Rahman

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Alah S.W.T kerana atas sifat pemurah, penyayang dan maha pengasih Nya jualah menganugerahkan saya kekuatan pemikiran, kesihatan dan ketabahan serta melahirkan kematangan fikiran untuk menyedia dan sekali gus menyiapkan kajian ini dalam keadaan yang termampu. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga dan tidak mampu saya membalasnya kepada Prof. Madya Dr. Ahmad Tarmizi Bin Abdul Rahman, selaku penyelia yang prihatin dan bijaksana. Segala jasa baik, bantuan yang amat berguna, sumbangan, bimbingan serta teguran dan nasihat yang bermanfaat sepanjang kajian ini dilaksanakan.

Tidak dilupai juga kepada barisan para pensyarah Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa serta kakitangan PPIB yang secara langsung dan tidak langsung dengan kepakaran dan kemahiran masing-masing bagi membantu dan menguatkan semangat dan memotivasikan saya dalam usaha menyiapkan kajian ini. Seluruh warga fakulti yang banyak membantu ke arah menyiapkan kajian saya.

Seterusnya setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Bahagian Biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP), Pengarah Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak, Rektor IPGM kerana telah merintis jalan memberi peluang dan ruang kepada saya bagi mempertingkatkan lagi ilmu pengetahuan akademik dan iktis sebagai pegawai perkhidmatan pendidikan. Tidak lupa ucapan terima kasih kepada rakan-rakan sejawat yang memberi tunjukajar dan membimbing saya ke arah menyiapkan kajian saya.

Ucapan penghargaan dan terima kasih ini juga disalurkan kepada semua pengetua dan guru-guru besar sekolah di bahagian Miri Sarawak, guru-guru pendidikan Islam yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kajian ini. Kerjasama, keperihatinan, kesabaran dan ketabahan anda semua amat dihargai. Kepada semua rakan seperjuangan Sarjana Pengajian Islam UMS jasa baik budi kalian akan dikenang sehingga akhir hayat. Semoga mendapat ganjaran setimpal daripada Allah.

Akhir sekali, khusus ditujukan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada isteri tercinta, Harissi Binti Salleh, anak-anak tersayang permata ayah dan bonda Umami Farhani, Umami Umira dan Ashraf Zaki atas kasih sayang dan pengorbanan, ketabahan, kesabaran, sokongan dan galakan serta perhatian dan toleransi yang dicurahkan. Hanya Allah sahaja yang mampu membalasnya. Semoga kejayaan ini menjadi pendorong buat kita semua untuk terus berusaha dan berjaya. Sesungguhnya kejayaan itu adalah kerana usaha gigih kita serta mendapat keredhaan Allah S.W.T.

Firdaus Bin Abdullah
1 Oktober 2019

ABSTRAK

Tujuan utama penyelidikan ini dijalankan ialah untuk mengkaji punca kekangan penguasaan ilmu tarannum dan kekangan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas serta membina cadangan ke atas pembangunan diri murid dan guru. Kajian lebih berfokus terhadap objektif dan menjawab persoalan kajian dan tujuan kajian. Di sebalik memaparkan kelemahan pelajar-pelajar menguasai ilmu bertarannum, pengkaji mula melaksanakan kajian ini berbentuk tinjauan (survey) terhadap beberapa buah sekolah Menengah, khususnya SMK Agama Miri. Pada asasnya, pemilihan sekolah sebagai sampel kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Pengkaji telah memilih sebuah sekolah menengah di Miri sebagai sampel kajian. Lima instrumen kajian yang digunakan dalam kajian pemerhatian/observation ujian tilawah al-Quran di peringkat daerah Miri, pemerhatian pengajaran guru, protokol temu bual pelajar dan guru, menyemak dokumen serta soal selidik. Pengkaji menyediakan borang temu bual dan soal selidik untuk pengumpulan data dan analisis dapatan kajian daripada sampel seramai 30 orang murid dan 8 orang tenaga pengajar dalam kajian ini. Dalam kajian ini, penyelidik berlandaskan kepada falsafah paradigma interpretif, telah memilih pendekatan kualitatif dan kuantitaitaif seterusnya menjalankan kajian sebagai metodologi. Prosedur pengumpulan data, memilih peserta menggunakan kaedah persampelan bertujuan, menentukan tempat kajian, melaksanakan kajian awal dan menentukan kesahan dan kebolehpercayaan turut dibincangkan. Analisis pengkaji telah mendapati faktor-faktor kekangan penguasaan ilmu tarannum terbahagi kepada dua faktor utama iaitu faktor pengajaran dan pembelajaran dan satu lagi faktor aplikasi lagu (cara bacaan yang tidak bersistematik). Pengkaji juga memberi perkongsian maklumat serta cadangan yang boleh dimanfaatkan bersama oleh pihak PPD, JPN dan KPM seandainya relevan untuk dilaksanakan. Mereka yang diamanahkan perlu menyemak semula kurikulum tarannum yang sedia ada bagi menerokai kelemahan-kelemahan yang sedia ada untuk melaksanakan penambahbaikan dalam aspek pelaksanaan kurikulum tarannum di semua sekolah bagi mencapai objektif dan matlamat kecemerlangan pelajar dalam semua aspek.

ABSTRACT

ACQUISITION OF TARANNUM AMONG SCHOOL STUDENTS IN MIRI SARAWAK

The primary objective of conducting this study is to investigate the factors that affect the mastery of tarannum discipline as well as its teaching and learning method in class. This study also aims to suggest ways to improve the personal development of the teachers and students of Miri district. The research is conducted in one of secondary schools in Miri. Purposive sampling method is adapted for data sampling and a total of 30 students and 8 teachers have been the respondents for this research. Data is collected through observation of classroom sessions, interview with the students and teachers, and literature review, as well as survey and questionnaire distributions. The data collected is further analyzed through an interpretive approach and qualitative and quantitative method. Early findings suggest that, there are two primary factors affecting the mastery of tarannum discipline which are the current teaching and learning approach adapted, and the unsystematic application of tones in recitation amongst students. Detailed explanation regarding the research methodology and design will be provided in the next chapters of this research paper. The research findings are shared with PPD (District Education Department), JPNS (Sarawak State Education Department) and KPM (Ministry Of Education Malaysia) along with recommendations for future improvements. This should be the catalyst for future improvements and restructuring processes of the learning curriculum by the responsible parties to ensure a continuous growth in students' personal development and excellence.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	vi
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI TRANSLITERASI ARAB - RUMI	xvi
SENARAI SINGKATAN	xviii
SENARAI LAMPIRAN	xix
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang Kajian	5
1.3 Permasalahan Kajian	8
1.4 Kepentingan Kajian	12
1.5 Objektif Kajian	14
1.6 Persoalan Kajian	14
1.7 Metodologi Kajian	14
1.7.1 Pemilihan Kawasan	15
1.7.2 Prosedur Kajian	15
1.7.3 Reka Bentuk Kajian	16
1.7.4 Populasi Dan Sampel Kajian	17
1.7.5 Protokol Temu Bual Pelajar/Tenaga Pengajar	18

1.7.6	Tatacara Pengutipan Data	19
1.7.7	Tatacara Penganalisan Data	23
1.8	Teori Kajian dan Kerangka Konseptual	26
1.9	Batasan dan Skop Kajian	29
1.10	Definisi Istilah	29
1.10.1	Definisi Penguasaan	29
1.10.2	Definisi Ilmu Tarannum	29
1.11	Rumusan	30

BAB 2: SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	31
2.2	Kajian Lepas yang Berkaitan	31
2.3	Kesimpulan	44

BAB 3: ILMU TARANNUM

3.1	Pengenalan	46
3.2	Sejarah Perkembangan Ilmu Tarannum di Malaysia	48
3.2.1	Seni Tarannum dalam Islam	50
3.2.2	Sistem Tarannum al – Quran di Malaysia	52
3.2.3	Kepentingan Suara dalam Membaca Al-Quran	52
3.2.4	Sistem Persembahan Tarannum al – Quran di Malaysia	53
3.2.5	Ciri – Ciri Persembahan Tarannum al – Quran yang Baik	54
3.2.6	Peranan Harakat Secara Umum	54
3.2.7	Peranan Khusus kepada Tiap – Tiap Harakat	55
3.2.8	Memahami Kehebatan dan Kecanggihan Harakat	55
3.2.9	Memahami Fungsi Tarannum al – Quran	56
3.2.10	Mengenal Kategori Tarannum al-Quran	56
3.3	Jenis – Jenis Tarannum	57
3.3.1	Pengenalan Tarannum Bayyati dan Sejarahnya	57
3.3.2	Pengenalan Tarannum Husayni dan Sejarahnya	58
3.3.3	Pengenalan Tarannum Kurdi dan Sejarahnya	59
3.3.4	Pengenalan Tarannum Soba dan Sejarahnya	61
3.3.5	Pengenalan Tarannum Hijaz dan Sejarahnya	62

3.3.6	Pengenalan Tarannum <i>'Iraqi</i> dan Sejarahnya	63
3.3.7	Pengenalan Tarannum Nahwand dan Sejarahnya	65
3.3.8	Pengenalan kepada Tarannum Nawa Asar dan 'Isyaak	66
3.3.9	Pengenalan Tarannum Rast dan Sejarahnya	66
3.3.10	Pengenalan Tarannum Sikah dan Sejarahnya	68
3.3.11	Pengenalan Tarannum Jiharkah dan Sejarahnya	69
3.3.12	Pengenalan Tarannum 'Ajam dan Sejarahnya	70
3.4	Harakat Lagu	71
3.4.1	Penyusunan Harakat yang Berkesan	71
3.4.2	Penyusunan Tarannum Berkesan	72
3.4.3	Memahami Teknik Menghangatkan Persembahan	72
3.4.4	Memahami Jenis Persembahan Bacaan	73
3.5	Nada Suara	73
3.5.1	Mengenal Sifat – Sifat Suara	74
3.5.2	Teknik Mentahsinkan Suara	75
3.5.3	Mengenal Tingkatan Suara	75
3.6	Hukum Bertarannum	75
3.6.1	Hukum Melagukan (Mengiramakan) bacaan al – Quran	75
3.7	Pelaksanaan Kelas Tarannum di Sekolah-Sekolah KPM	77
3.7.1	Objektif	77
3.7.2	Peperiksaan dan Pensijilan	79
3.7.3	Jadual Waktu	80
3.7.4	Status Pelajar	80
3.7.5	Status Kelas Khas Kemahiran Al Quran	81
3.7.6	Tenaga Pengajar KKQ	81
3.8	Kesimpulan	82

BAB 4: ANALISIS DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	83
4.2	Penguasaan Tarannum dalam Kalangan Pelajar	84
4.2.1	KKQ Berkualiti atau Sebaliknya	84
4.3	Input Yang Sedikit	86
4.4	KKQ Memberi Kesan Baik Pembacaan Tarannum atau Tidak	87
4.5	Tertumpu kepada Ilmu Tarannum Sahaja	88
4.6	Tertumpu kepada Penguasaan Ilmu Tajwid dan Fasahah Sahaja	90
4.7	Tiada Teknik Mudah	91
4.8	Teknik Pengajaran Guru	93
4.9	Teknik dan Kaedah Pengajaran KKQ	94
4.10	Kurang Berkesan dalam PDP	96
4.11	Kekangan Penguasaan Tarannum dalam Kalangan Pelajar	98
4.11.1	Tenaga Pengajar Kurang Mahir dalam Bidang Tarannum	98
4.12	Kaedah dan Teknik Pengajaran dan Pembelajaran Tidak Berfokus	106
4.13	Pembimbing Tidak Bertauliah dalam Bidang Tarannum	108
4.14	Kurang Rujukan Al-Quran	109
4.15	Hasil Soal Selidik dalam Kalangan Tenaga Pengajar	112
4.16	Asas Tarannum yang Kuat	113
4.17	Asas Tarannum yang Lemah	115
4.18	Mempunyai Asas Tarannum yang Baik	116
4.19	Asas Tarannum Sangat Lemah	118
4.20	Belajar Melalui Talaqqi- Musyafahah	119
4.21	Belajar Tarannum Melalui Video	121
4.22	Menggunakan Renek-Renek Suara	122
4.23	Belajar Menggunakan Panduan Lagu Arab	124
4.24	Belajar Tarannum Melalui Pergerakan Graf	125
4.25	Belajar Melalui Teknik (Doo, Ree, mii)	127
4.26	Menggunakan Teknik Pernafasan	128
4.27	Menggunakan Teknik " <i>High 5</i> "	130
4.28	Belajar Melalui Pergerakan Lidah	131
4.29	Analisis Ujian Rakaman Amali Tarannum di SMK Agama Miri	133
4.30	Kesimpulan	134

BAB 5: PENUTUP

5.1	Pengenalan	136
5.2	Rumusan	136
5.3	Cadangan	139
5.3.1	Cadangan kepada Para Pelajar	139
5.3.2	Cadangan untuk Tenaga Pengajar	140
5.3.3	Cadangan untuk Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)	142
5.3.4	Cadangan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	142
5.3.5	Cadangan untuk Pihak Media Massa	143
5.3.6	Kajian Lanjutan	143
5.4	Penutup	145

RUJUKAN

LAMPIRAN



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

148

155

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1 : Item-Item Borang Pemerhatian	22
Jadual 3.1 : Peranan Khusus kepada Tiap – Tiap Harakat	55
Jadual 3.2 : Kandungan Kurikulum	78
Jadual 3.3 : Contoh Jadual Waktu Kelas Kemahiran Membaca dan Menghafaz Al-Quran	80
Jadual 4.1 : Analisis Kajian Soalan Satu (a)	85
Jadual 4.2 : Analisis Kajian Soalan Dua (a)	87
Jadual 4.3 : Analisis Kajian Soalan Tiga (a)	88
Jadual 4.4 : Analisis Kajian Soalan Empat (a)	90
Jadual 4.5 : Analisis Kajian Soalan Lima (a)	91
Jadual 4.6 : Analisis Kajian Soalan Enam (a)	93
Jadual 4.7 : Analisis Kajian Soalan Tujuh (a)	94
Jadual 4.8 : Analisis Kajian Soalan Sembilan (a)	95
Jadual 4.9 : Analisis Kajian Soalan Sepuluh (a)	97
Jadual 4.10 : (a) Kapasiti Guru Tarannum	100
Jadual 4.11 : (b) Penguasaan Harakat dan Burdah Tenaga Pengajar dalam Lagu Tarannum	103
Jadual 4.12 : Analisis Kajian Soalan Satu (b)	113
Jadual 4.13 : Analisis Kajian Soalan Dua (b)	114
Jadual 4.14 : Analisis Kajian Soalan Tiga (b)	116
Jadual 4.15 : Analisis Kajian Soalan Empat (b)	118
Jadual 4.16 : Analisis Kajian Soalan Lima (b)	119
Jadual 4.17 : Analisis Kajian Soalan Enam (b)	121
Jadual 4.18 : Analisis Kajian Soalan Tujuh (b)	122
Jadual 4.19 : Analisis Kajian Soalan Lapan (b)	124
Jadual 4.20 : Analisis Kajian Soalan Sembilan (b)	125

Jadual 4.21	: Analisis Kajian Soalan Sepuluh (b)	127
Jadual 4.22	: Analisis Kajian Soalan Sebelas (b)	128
Jadual 4.23	: Analisis Kajian Soalan Dua Belas (b)	129
Jadual 4.24	: Analisis Kajian Soalan Tiga Belas (b)	131
Jadual 4.25	: Analisis Kajian Soalan Empat Belas (b)	132
Jadual 4.26	: Analisis Ujian Rakaman Amali Tarannum DI SMK Agama Miri	133



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1 : Teori Kaedah Pembelajaran TIKRAR (Aderi 2012) yang telah diubah suai kepada Kaedah Penguasaan Ilmu Tarannum	28
Rajah 4.1 : Analisis - Peratusan Soalan Satu (a)	85
Rajah 4.2 : Graf Peratusan - Soalan Dua (a)	86
Rajah 4.3 : Graf Peratusan - Soalan Tiga (a)	88
Rajah 4.4 : Graf Peratusan - Soalan Empat (a)	89
Rajah 4.5 : Graf Peratusan - Soalan Lima (a)	91
Rajah 4.6 : Graf Peratusan - Soalan Enam (a)	92
Rajah 4.7 : Graf Peratusan - Soalan Tujuh (a)	94
Rajah 4.8 : Graf Peratusan - Soalan Sembilan (a)	95
Rajah 4.9 : Graf Peratusan - Soalan Sepuluh (a)	97
Rajah 4.10 : Analisa Tahap Kemampuan Tenaga Pengajar dalam Bidang Tarannum Tingkatan Suara	101
Rajah 4.11 : Graf Peratusan- Menguasai Tarannum dengan Baik. Soalan Satu (b)	113
Rajah 4.12 : Graf Peratusan - Soalan Dua (b)	114
Rajah 4.13 : Graf Peratusan - Soalan Tiga (b)	116
Rajah 4.14 : Graf Peratusan - Soalan Empat (b)	117
Rajah 4.15 : Graf Peratusan - Soalan Lima (b)	119
Rajah 4.16 : Graf Peratusan - Soalan Enam (b)	120
Rajah 4.17 : Graf Peratusan - Soalan Tujuh (b)	122
Rajah 4.18 : Graf Peratusan-Teknik Menggunakan Renek-Renek Suara Soalan Lapan (b)	123
Rajah 4.19 : Graf Peratusan - Soalan Sembilan (b)	125
Rajah 4.20 : Graf Peratusan - Soalan Sepuluh (b)	126
Rajah 4.21 : Graf Peratusan –Soalan Sebelas (b)	128

Rajah 4.22	:	Graf Peratusan- Soalan Dua Belas (b)	129
Rajah 4.23	:	Graf Peratusan- Soalan Tiga Belas (b)	131
Rajah 4.24	:	Graf Peratusan -Soalan Empat Belas (b)	132



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI TRANSLITERASI ARAB – RUMI

Panduan transliterasi ini mengikut kaedah transliterasi Arab-Rumi
GAYA Dewan Edisi Ketiga 2005

Abjad	Sebutan Arab	Transliterasi Rumi
ا	<i>alif</i>	<i>a</i>
ب	<i>bā'</i>	<i>b</i>
ت	<i>tā'</i>	<i>t</i>
ث	<i>thā'</i>	<i>th</i>
ج	<i>jīm</i>	<i>j</i>
ح	<i>ḥā'</i>	<i>ḥ</i>
خ	<i>khā'</i>	<i>kh</i>
د	<i>dāl</i>	<i>d</i>
ذ	<i>dhāl</i>	<i>dh</i>
ر	<i>rā'</i>	<i>r</i>
ز	<i>zāy</i>	<i>z</i>
س	<i>sīn</i>	<i>s</i>
ش	<i>shīn</i>	<i>sh</i>
ص	<i>ṣād</i>	<i>ṣ</i>
ض	<i>ḍād</i>	<i>ḍ</i>
ط	<i>ṭā'</i>	<i>ṭ</i>
ظ	<i>ẓā'</i>	<i>ẓ</i>
ع	<i>'ayn</i>	<i>'</i>
غ	<i>ghayn</i>	<i>gh</i>
ف	<i>fā'</i>	<i>f</i>
ق	<i>qāf</i>	<i>q</i>
ك	<i>kāf</i>	<i>k</i>
ل	<i>lām</i>	<i>l</i>
م	<i>mīm</i>	<i>m</i>
ن	<i>nūn</i>	<i>n</i>
و	<i>wāw</i>	<i>w</i>
ه	<i>hā'</i>	<i>h</i>
ي	<i>yā'</i>	<i>y</i>
ء	<i>hamzah</i>	<i>'</i>

ة	<i>tā' marbūṭah</i>	h (ketika matikan bunyinya) t (ketika perlu hidupkan bunyinya)
Vokal Pendek	ـَ	<i>a</i>
	ـِ	<i>i</i>
	ـُ	<i>u</i>
(Vokal Panjang) مَدَّ	ـَـ	<i>ā</i>
	ـِـ	<i>ī</i>
	ـُـ	<i>ū</i>
(Diftong) مَدَّلَيْنِ	أَيَّ	<i>ay</i>
	أَوْ	<i>aw</i>
(Tanda sabdu) تَشْدِيدِ	يَّ	<i>yy</i>



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

- a.s** - Alaihis salam.
- BBM** - Bahan Bantu Mengajar.
- KKQ** - Kelas Kemahiran al-Quran.
- DBP** - Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- KPM** - Kementerian Pelajaran Malaysia.
- j-QAF** - Jawi, al-Quran, Bahasa Arab Dan Fardu Ain.
- JAKIM** - Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- KBSR** - Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah.
- KSSR** - Kurikulum Standard Sekolah Rendah.
- UMS** - Universiti Malaysia Sabah.
- UKM** - Universiti Kebangsaan Malaysia.
- UM** - Universiti Malaya.
- MTQ** - Majlis Tilawah al-Quran.
- SMKA** - Sekolah Menengah Kebangsaan Agama.
- SKA** - Sekolah Kebangsaan Agama.
- YAB** - Yang Amat Berhormat.
- IPGM** - Institut Pendidikan Guru Malaysia.
- IPGKS** - Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- JPNS** - Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak.
- PPD** - Pejabat Pendidikan Daerah.
- PPIB** - Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa.

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A : Soalan Temu Bual/Pemerhatian	155
Lampiran B : Laporan Pencapaian Markah Ujian Tilawah	157
Lampiran C : Lampiran Bergambar	160
Lampiran D : Cara Melaksanakan Ujian Tilawah Al-Quran	162
Lampiran E : Konsep Tarannum	166



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kitab al-Quran dan Nabi Muhammad SAW. merupakan dua aset yang tidak dapat dipisahkan. Proses penurunan wahyu kepada baginda SAW selaku pemikul amanah Allah SWT, penyampai risalah-Nya, penerang segala isi kandungan al-Quran dan penyebar syi'arnya. Secara tidak langsung, bacaan ayat-ayat suci al-Quran menjadi hobi dan mainan bicara baginda SAW. Justeru itu, bacaan al-Quran telah menjadi ikutan dan amalan umat Islam bahkan sebatik dalam Sistem Pendidikan Islam di Malaysia sejak Islam mula disebar di Malaysia (Ahmad Ismawi, 1997). Kaedah (*bulatan*) di hadapan tenaga pengajar merupakan pendidikan terawal di Malaysia (Abdullah, 1995). Berdasarkan kepada Penyata Razak 1956, Penyata Rahman Talib 1960 dan Akta Pelajaran 1961, subjek Pendidikan Islam diajarkan di semua sekolah yang didaftarkan sekurang-kurangnya 15 orang murid Islam. Oleh itu, pembelajaran al-Quran tidak terkecuali daripada diajarkan kepada pelajar-pelajar sekolah. Ini membuktikan bahawa keprihatinan kerajaan untuk menyepadukan Pendidikan al-Quran dalam sistem pendidikan negara.

Dalam konteks pembelajaran al-Quran, subjek *tarannum* (lagu) al-Quran merupakan satu kemahiran kelunakan suara pada empat tingkatan suara dalam mengalunkan ayat-ayat suci al-Quran. Subjek ini diajarkan kepada pelajar-pelajar sekolah aliran agama yang dinamakan Kelas Kemahiran al-Quran (KKQ). Pelaksanaan Kelas Kemahiran al-Quran diwujudkan pada peringkat sekolah menengah. Apa yang membimbangkan kita ialah kemampuan dari sudut penguasaan pembacaan al-Quran dalam kalangan pelajar. Berdasarkan kajian Mohd. Aderi (2011) terhadap pembacaan al-Quran dalam kalangan pelajar menerusi statistik deskriptif, iaitu kekerapan, peratusan, dan min (0.338)

menunjukkan pencapaian mereka adalah pada tahap sederhana. Dapatan kajian beliau juga menunjukkan tahap min amalan pengajaran komponen permulaan pengajaran adalah pada min 3.461, penutup pengajaran pada min 3.271 dan alat bantuan mengajar pada min 2.709. Justeru, hasil kajian beliau secara keseluruhannya meletakkan amalan pengajaran tilawah al-Quran adalah pada tahap sederhana.

Setelah kedatangan Islam dan penurunan al-Quran, umat Islam ketika itu disarankan supaya menukar budaya syair dan puisi Arab kepada membudayakan bacaan al-Quran dalam kehidupan seharian mereka (Mohd. Ali 1997). Bahkan dianjurkan oleh Allah menerusi firmanNya dalam surah Muzammil ayat 4 untuk membaca al-Quran dengan bacaan yang perlahan mengikut hukum tajwid dan kefasihan sebutan bahasa Arab. Ia bertujuan untuk menarik minat masyarakat Arab *Jahiliyyah* ketika itu mengisi keperluan rohani dan sebagai *halwa* di telinga mereka melalui kandungan al-Quran itu sendiri.

Selepas tahun 1940-an, tarannum *lahjah* Arab Mesir mengambil alih takhta populariti dalam kaedah alunan irama bacaan al-Quran daripada *lahjah* Arab *Hijāzi*. Tarannum *lahjah* Arab Mesir, irama dan alunannya dipengaruhi oleh suasana lembah sungai Nil yang subur menghijau dengan suhu iklim yang sederhana dan nyaman. Irama dan rentaknya juga agak lembut di samping nada suaranya yang sederhana.

Al-Shaykh Tāha al-Fashnī dari Mesir berpendapat bahawa kebiasaannya para qari warga Mesir mengalunkan bacaan al-Quran yang tidak lari daripada asas tarannum (lagu) yang empat iaitu *Bayātī*, *Hijāzī*, *Irāqī* dan *Rasht*. Lagu selain daripada 4 kaedah asas ini adalah merupakan lagu cabang iaitu cawangan lagu-lagu lain seperti *husainī*, *kurdī*, *soba*, *ajam*, *nahawand*, *nāwā asar*, dan *Jiharkah*. Sejarah memaparkan tarannum atau muzik adalah merupakan sebahagian daripada budaya sesebuah masyarakat setempat yang boleh diguna pakai bagi semua pencinta ilmu tarannum (Nik Jaafar 2014).

Hasil daripada muzik yang terbentuk daripada irama suara, maka diambil manfaat oleh ahli-ahli muzik dan penyair dengan mengubah dan dilunakkan mengikut selera masing-masing. Oleh itu, lahirlah kepelbagaian bentuk irama tarannum dan muzik mengikut budaya sesebuah masyarakat. Namun, masih ada dalam kalangan pencinta-pencinta tarannum mengubahsuai lagu supaya lebih menarik.

Bermula dari tahun 1960 Masihi, kerajaan Malaysia telah mempromosikan sistem bacaan al-Quran yang baik menerusi majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kesannya bukan sahaja sekadar untuk memupuk semangat dan menarik minat umat Islam, tetapi sekali gus ianya untuk memperkenalkan bagaimana kurikulum bacaan al-Quran yang sebenar iaitu mencakupi bidang tarannum. (Othman Azumi Ahmad 2010)

Seni jika dirujuk maknanya dari sudut bahasa bererti halus, indah atau permai, menyenangkan hati serta kehalusan perasaan manusia. Menurut buku seni lagu al-Quran di Malaysia, istilah seni merujuk kepada segala yang halus dan indah. Penulisan Muhd Ali bin Abu Bakar ada menyebut bahawa seni itu adalah merupakan salah satu bahagian daripada naluri yang lahir dari jiwa atau rohani manusia. Tambahnya lagi, manusia dapat menciptakan sesuatu kerana kemahuan, dan kemahuan itu timbul kerana adanya daya paduan antara rasa rohaniah manusia itu dengan akal fikiran. Ini bertepatan dengan bidang ilmu jiwa yang membahagikan rasa dalam dua bahagian, iaitu rasa indera dan rasa rohani. Rasa rohani itu pula terkandung di dalamnya beberapa aspek seperti rasa agama, etika, estetika, intelek, sosial dan rasa diri sendiri.(Othman Azumi Ahmad 2010)

Melalui konsep rasa sebagaimana dinukilkan dalam ilmu jiwa di atas, kita dapati bahawa jiwa manusia itu sendiri dihiasi dengan unsur seni. Hal ini kerana di dalam jiwa, terdapat sifat-sifat atau rasa senang dan terharu terhadap sesuatu yang indah. Perkara ini sudah menjadi naluri yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia (Nik Jaafar 2014).

Mereka yang tidak tahu menilai seni adalah dari mereka yang tidak berseni. Kenyataan ini seiring dan seia dengan kata – kata sakti " من عرف نفسه فقد عرف ربه " yang bererti mereka yang tahu menilai seni kejadian dirinya maka dengan sendirinya mereka akan tahu menilai siapa Dia tuhan penciptanya. Logiknya, jika umat Islam tahu menilai bahawa al-Quran itu penuh dengan kepelbagaian seni sebagai mukjizat yang teragung, maka tentunya mereka akan berusaha melahirkan suara yang berseni untuk ayat suci al-Quran tersebut.

Suara merupakan salah satu anugerah Allah SWT yang dikurniakan kepada manusia sejagat. Kepentingan suara dalam kehidupan manusia seharian membolehkan segala aktiviti komunikasi dan muāmalat berjalan dengan lancar. Seni suara jika diteliti dari sudut hukum asalnya adalah harus. Ini kerana ia adalah fitrah manusia yang sukakan keindahan dan hiburan. Keharusan nya akan berubah dan bertukar menjadi makruh atau lebih buruk lagi iaitu haram jika didapati ianya melanggar batas-batas syarak.

Para fuqaha' yang terdahulu merumuskan bahawa:

(Shamsul Ariffin 2014)

- a) Seni muzik dan seni suara adalah sama hukumnya dengan memenuhi keperluan pancaindera yang lain seperti makanan yang lazat dan pemandangan yang indah.
- b) Islam menetapkan kesederhanaan dalam semua aspek termasuk menghayati seni muzik dan seni suara.
- c) Fuqaha' terdahulu telah membenarkan seni muzik dan seni suara bila ada tujuan yang sesuai dan munasabah dan menegahnya bila ada unsur luaran yang tidak berlandaskan Islam.
- d) Seni muzik dan suara semuanya tertakluk di bawah kelulusan Ilahi yang bersifat umum.

Dalam konteks suara dan kepentingannya ke arah amal kebajikan khususnya dalam membaca al-Quran, tarannum tidak dapat disangkal lagi keharusan nya bahkan Islam amat menggalakkan penganutnya memperdengarkan bacaan al-Quran dengan lunak dan indah. Oleh itu, membaca al-Quran diberikan